



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/04/27\_22 (HQ)

### TNB RAIH SOKONGAN KOMUNITI & GERGASI KONGLOMERAT JEPUN TERUS TERAJU PERALIHAN TENAGA

- Menerajui peralihan tenaga yang bertanggungjawab, TNB mendapat sokongan berterusan komuniti awam & komersial, termasuk syarikat antarabangsa seperti AEON
- Kesediaan AEON menerima tawaran TNB untuk memasang panel solar adalah cerminan bahawa kualiti perkhidmatan diberikan TNB menepati jangkaan
- 1,926 projek pemasangan panel solar fotovoltaik dan 3,907 MW keseluruhan kapasiti TBB dicapai TNB sehingga kini

Usaha **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** menerajui pelaksanaan peralihan tenaga yang bertanggungjawab mendapat sokongan berterusan komuniti awam & komersial, termasuk syarikat antarabangsa yang semakin beralih kepada penggunaan Tenaga Boleh Baharu (TBB) daripada sumber tenaga suria.

Anak syarikat milik penuh TNB, GSPARX Sdn Bhd sehingga kini telah berjaya memeterai 1,926 projek pemasangan panel solar fotovoltaik di bumbung-bumbung rumah kediaman, bangunan awam dan komersial di seluruh Semenanjung dengan kapasiti berjumlah 271.9 megawatt (MW).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din menyifatkan pencapaian itu amat menggalakkan kerana dalam mendukung negara neutral karbon menjelang 2050, TNB telah berjaya memberi kesedaran kepada orang ramai agar beralih kepada tenaga bersih dengan memanfaatkan bumbung-bumbung bangunan mereka.

Malah, katanya, usaha berterusan TNB ini semakin mendapat sokongan para peneraju perniagaan dengan terkini membabitkan peruncit terbesar Asia dari Jepun, AEON melalui AEON CO. (M) BHD yang mengendalikan rangkaian pasar raya kumpulan itu di Malaysia.

“Sebagai syarikat besar dari negara matahari terbit yang sentiasa meletakkan standard yang tinggi, kesediaan AEON menerima tawaran TNB untuk memasang panel solar adalah cerminan bahawa kualiti perkhidmatan diberikan TNB melalui GSPARX adalah menepati jangkaan manakala model perniagaan yang kami kemukakan dapat meningkatkan nilai tambah AEON,” katanya.

GSPARX berjaya mendapat sokongan AEON supaya menandatangani Perjanjian Bekalan Tenaga Boleh Baharu (SARE) pada 12 April lalu untuk pemasangan sistem solar di semua 40 pusat beli-belah AEON dan AEON BiG di seluruh negara.

Perjanjian pemasangan itu adalah yang terbesar setakat ini dengan kapasiti berjumlah 78 MW dan membantu TNB merekodkan sejumlah 3,907MW kapasiti TBB, hampir 50% daripada sasaran 8,300 MW dalam perjalanan syarikat utiliti itu ke arah karbon sifar bersih, selari dengan komitmen peralihan tenaga negara.

Menurut Baharin, selain tawaran GSPARX yang membolehkan AEON menjana tenaga sendiri melalui pemasangan sistem solar dengan perbelanjaan modal sifar, ia membantu rangkaian pasar raya itu menikmati penjimatan antara 15 hingga 30 peratus kos elektrik.

“Organisasi awam dan komersial yang lain wajar mengikut jejak AEON yang mengambil peluang terbaik inisiatif penjimatan tenaga dan bersama-sama berperanan membangunkan masa depan lebih lestari demi kesejahteraan hidup bersama,” katanya.

Baharin berkata jikalau TNB dan syarikat penjanaan membangunkan ladang solar besar-besaran dalam usaha meningkatkan kapasiti TBB negara, GSPARX bersama komuniti pengguna pula berperanan memberi nilai tambah kepada bumbung-bumbung bangunan menerusi penjanaan tenaga daripada cahaya matahari.

Antara organisasi komersial dan awam yang telah mendapatkan khidmat GSPARX ialah Mydin Mohamed Holdings Berhad (MYDIN), S P Setia, Sime Darby Properties, Jabatan Kerja Raya (JKR), SIRIM, FELDA, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Seremban, Majlis Bandaraya Ipoh, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Kolej Universiti TATI (TATIUC), Perak Transit, Lumileds, SKF Bearing, CJ Bio, Spirit Aerosystems, Primula Beach Hotel, Smart Modular Penang, Seng Hin Rubber (M) Sdn Bhd, Universiti Malaysia Pahang dan Majlis Bandaraya Kuantan.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 27 April 2023, jam 11:00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

## Mengenai GSPARX

GSPARX ialah anak syarikat milikan penuh TNB yang ditubuhkan pada Januari 2018. Ia giat menjalankan kerjasama strategik bersama pelbagai syarikat, organisasi dan agensi kerajaan bagi menawarkan kepakarannya dalam pemasangan panel solar bumbung, satu pasaran yang berpotensi besar untuk diterokai dalam sektor tenaga boleh diperbaharui di Malaysia.

Melalui Zero Capex Solution GSPARX, pelanggan dari kategori agensi kerajaan, komersial dan industri kini boleh menjana tenaga solar bersih di atas bumbung bagi mengurangkan bil elektrik. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.tnb.com.my/solar/> atau <https://www.gsparx.com/>.



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din



Pemasangan pertama solar PV atas bumbung AEON Alpha Angle serta tempat parkir terbuka berkapasiti 1,513 kWp telah siap pada Oktober 2022. Pemasangan sistem solar di semua 40 pusat beli-belah AEON dan AEON Big di seluruh negara akan siap menjelang hujung tahun 2024.